DIY

Development in YEARS

SOLO EXHIBITION

HAIRULNISAK MERMAN

DEVELOPMENT IN YEARS

HAIRULNISAK MERMAN

Published by:
© UiTM Perak Press

eISBN: 978-967-2776-01-7

Editors
Dr Issarezal Ismail[1]
Muhammad Salehuddin Zakaria[2]

ARTIS
HAIRULNISAK MERMAN

PENGURUS GALERI
Dr. Aznan Omar

KURATOR
Erry Arham Azmi

KETUA EDITOR
Dr Issarezal Ismail

EDITOR
Muhammad Salehuddin Zakaria

PEREKA
Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Mohamad Quzami An-Nuur Ahmad Radzi

JURU VIDEO
Faez Nulha

AJK PAMERAN
Muhammad Salehuddin Zakaria
Mohd Nafis Saad
Nurul Hidayat Muhamad Nazri
Farisya Amelia Kamarudin
Nur Liyana Haziqah Mohd Khairul Zain
Eliya Najwa Abdul Hamid Abdul Hamid
Muhammad Arash Ab Jabbar
Wan Muhammad Nurhidayat Nordin

TUGAS-TUGAS KHAS
Nor Syahirah Ibrahim
Afina Zalifah Zat Azeni
Muhamad Syukri Samsuddin

DEVELOPMENT IN YEARS

Published by:
© UiTM Perak Press

Copyright © 2021 Hairulnisak Merman
All rights reserved.

Ebook: 978-967-2776-01-7

In collaboration with:
Galeri Al-Biruni, UiTM Cawangan Perak
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Perak
https://gab.adperak.com/my/

Edited by Issarezal Ismail

ISI KANDUNGAN

01 Kata-kata Aluan

02 Pameran Development In Years: Sebuah Catatan Progress Kerja Seni

03 Kolaborasi Artis dan Kurator

04 Artis/Kurator sebagai Social Entrepreneur

05 Mengahadapi Isu Semasa

06 Menanam “Awareness” Sebagai Solusi

07 Kepentingan Artis dan Seni Dalam Masyarakat

08 Pemilihan Material Sebagai Karya Seni

09 Kesimpulan

10 Biodata Artis

11 Biodata Kurator

12 Koleksi Karya

13 Informasi

14 Penghargaan

KATA - KATA ALUAN

DR AZNAN OMAR

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan izin dan limpah iradatNya, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana pameran Solo Development in Years (DIY) dapat dijayakan sepenuhnya. Tahniah dan syabas diucapkan kepada ahli jawatankuasa Galeri Al-Biruni dan warga Fakulti Seni Lukis & Seni Reka Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak serta semua pihak yang telah menyempurnakan pameran ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih diberikan.

Merenung semula kepada situasi yang melanda negara kita ini, ianya hanyalah suatu cabaran dan ujian yang kita sama-sama perlu lalui. Begitu juga dengan semangat holistik kesenian hendaklah terus dilakukan dan direalisasikan. Ia memberi ruang kepada semua pihak untuk menyesuaikan diri menjurus kearah regangan baharu. Selain itu, asimilasi dengan perubahan terkadang boleh membina suatu tapak asas perjalanan baru ke masa hadapan yang lebih baik, terutamanya Pameran Kesenian.

Sehubungan dengan itu, pameran DIY ini menterjemahkan sebuah proses penciptaan karya melalui sumber alam yang digunapakai semula. Bahan yang digunapakai dijadikan landasan untuk pengkarya berkongsi bersama penuntut ilmu tidak mengira usia serta bangsa. Tercetusnya sesebuah kolaborasi secara eksperimentasi dan setiap hasil nukilan dirakamkan untuk menyatukan dua legasi menjadi sebuah bentuk keharmonian.

Sekiranya kesenian itu satu perjalanan dan perjalanan itu membentuk pengalaman, kongsilah ia menerusi pengkaryaan. Oleh itu, sekali lagi saya menjemput semua para tetamu untuk mendalami perjalanan ini menerusi kembara mata bertentang rupa. Biarlah rupa berbicara kata. Sama-sama kita hargainya, mudah - mudahan pengalaman membentuk jiwa. Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan kepada pengkarya, Hairulnisak Merman atas usaha gigih beliau dan semoga terus menerus memperolehi kegemilangan dan memajukan warta kesenian tidak kira dimana mana persada.

Sekian, Terima Kasih.

PAMERAN DEVELOPMENT IN YEARS

SEBUAH CATATAN PROGRES KERJA SENI

ERRY ARHAM AZMI
HAIRULNISAK MERMAN

Development In Years (DIY) 2021 adalah sebuah pameran yang menghimpunkan kesinambungan proses penciptaan sesebuah karya seni melalui permasalahan atau isu yang wujud dalam lingkungan persekitaran kehidupan. Ia adalah sebuah himpunan pembangunan kerja seni yang telah berlanjutan selama beberapa tahun kebelakangan ini. Sebagai suatu kefahaman kepada pelajar, peminat, penghayat atau pengujung seni; pameran ini sengaja dikurasikan mengikut struktur proses perkembangan dan pembangunan kerja seni yang menitikberatkan proses secara bertahap.

Kesemua aktiviti yang telah dimulakan sejak November 2020 merangkumi aktiviti pengkajian, dokumentasi, pembuatan, pengajaran dan penghasilan yang kemudiannya dihimpunkan dalam pameran ini sebagai satu dokumentasi yang boleh dipaparkan dan dibaca oleh khalayak yang hadir.

Semoga dengan adanya pameran ini, ia dapat memberi manfaat kepada mereka yang hadir menyaksikannya. Di sini, ia baru bertateh dan tidak bertujuan mendapatkan penilaian; bahawasanya pameran ini bagus atau tidak. Tetapi, ia menginginkan lontaran lanjutan lebih kritis yang boleh membangunkan dan menyelamatkan lingkungan alam dan persekitaran hidup manusia dengan kewujudan kerjasama serumpun sesebuah daerah, negeri atau bahkan negara.

Pameran ini juga merupakan medan sidang penilaian untuk Pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021 yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara untuk tahun ini dengan menekankan konsep penciptaan ‘Seni Di Lokasi’. Sebelum penulisan ini terus dibaca, izinkan kami untuk menerangkan beberapa perincian yang penting agar pembaca tidak membuat penilaian sebelum cuba memahami pameran ini secara menyeluruh. Segmen pecahan penulisan ini terdiri daripada kolaborasi artis dan kurator.

KOLABORASI ARTIS DAN KURATOR

Pameran ini merupakan sebuah gagasan pemikiran kolaborasi di antara artis dan kurator. Ia betul-betul kolaborasi yang dijembatani dengan proses perbincangan yang kerap. Kebiasaannya, pameran seni visual di Malaysia akan berlangsung dengan pemberian tema yang disediakan oleh galeri atau kurator dan menjadi tugas artis untuk menghasilkan karya sesuai dengan tema yang telah diberikan. Kolaborasi antara artis dan kurator tampak janggal di Malaysia kerana ia tidak sepertimana kolaborasi antara seorang komposer, penulis lirik dan penyanyi.

Maka itu, Pameran DIY ini sebenarnya penting untuk menjadi wadah bagi kepentingan susurgalur kerja seni serta kolaborasi antara artis dan kurator dalam mencitrakan sebuah pameran. Perbincangan dan perdebatan itu pasti tetapi hala tuju pameran ini harus dilaksanakan. Oleh kerana artis (Hairulnisak Merman) dan kurator (Arham Azmi) merupakan pasangan suami isteri, maka dapatlah kami memanfaatkan serta menggunakan masa perbincangan sehari harian demi menjadikan pameran DIY (Development In Years) ini.

Semuanya bermula ketika kami berpindah ke Seri Iskandar, Perak ini pada November 2020. Situasi pandemik PKP tidak menghalang kami untuk menghentikan kegiatan seni dan kegiatan masyarakat yang telah kami mulakan 5 tahun sebelum ini. Apa yang membolehkan kami untuk tetap bernafas adalah dengan adanya keterujaan meneroka tempat baharu yang kami diami sekarang. Sementelah menghabiskan kursus berkaitan keusahawanan sosial bersama INSKEN, kami melihat banyak peluang yang boleh dibina di Seri Iskandar terutama setelah memahami aspek Social Development Goal (SDG).

Peluang ini menyebabkan kami memikirkan bagaimana untuk mengangkat seni visual dalam konteks mencipta peluang keusahawanan sosial kepada masyarakat setempat. Kami percaya bahawa tugas untuk mendidik, memberi kefahaman serta membuka peluang kepada masyarakat untuk turut sama terlibat dalam bidang seni visual dan keusahawanan ini bukan suatu perkara yang mudah dan boleh dibuat dalam masa yang singkat. Ini kerana ia memerlukan pengorbanan masa yang sangat panjang. Setelah perbincangan dibuat kami yakin usaha ini mampu memberi nilai tambah dari sudut pengetahuan ilmu, seni dan ekonomi kepada masyarakat.

Kenapa SDG ini muncul, ini adalah kerana alam dan manusia kian tenat. Kerisauan ini sengaja WHO wujudkan agar kita semua dapat kembali melihat di mana sebenarnya kita boleh membantu untuk melestarikan SDG ini. SDG ini penting bagi sebuah pembangunan manusia di dalam mengekalkan keupayaan ekosistem semulajadi untuk menyediakan sumber asli dan perkhidmatan ekosistem ekonomi di mana masyarakat bergantung. Ia seolah-olah sebagai satu cabaran yang harus disahut oleh golongan seni yang dapat memainkan peranannya sebagai pemacu perubahan.

Dalam konteks seni visual, artis merupakan golongan yang mempunyai peluang dan ruang untuk menggerakkan usaha ke arah pelestarian SDG ini. Ini kerana golongan artis antara golongan pemikir kritis yang mampu mencipta dan mencitrakan kreativiti tanpa batasan terhahadap sumber SDG terpenting. Ada 17 sumber tujuan dalam SDG ini yang meliputi No Proverty, Zero Hunger, Good Health and Well Being, Quality Education, Gender Equality, Clean Water and Sanitazian, Affordable and Clean Energy, Decent Work and Economic Growth, Industry Innovation and Infrastructure, Reduce Inequalities, Sustainable Cities and Communities, Responsible Consumption and Production, Climate Action, Life Below Water, Life on Land, Peace Justice and Strong Institutions, Partnerships for The Goals.

ARTIS/KURATOR SEBAGAI SOCIAL ENTREPRENUER

Setelah mengamati satu persatu 17 sumber SDG yang boleh dibangunkan, salah satu SDG yang menarik perhatian kami adalah “Life On Land” di mana kami melihat banyak perkara yang boleh di buat melalui seni bagi menyedarkan masyarakat sekaligus mengurangkan masalah pencemaran di atas muka bumi. Jadi, ketika di dalam kursus tersebut, kami telah memilih “Life on Land” untuk menjadi fokus kerja kami dalam memacu arah SDG.

Kehidupan manusia banyak bergantung kepada sumber bumi seperti lautan dan hutan. Kedua-dua unsur alam semulajadi ini menjadi habitat bagi haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta sumber daya alam yang dapat dimanfaatkan oleh manusia. Kemerosotan kedua-dua unsur alam semulajadi ini dilihat sangat drastik berlaku pada masa kini dan tindakan harus diambil segera bagi mengurangkan kehilangan habitat dan biodiversiti. Pencemaran juga menjadi salah satu punca bagaimanan habitat dan sumber ini dilihat makin berkurangan akibat kelalaian manusia.

Melalui data primer, kami mendapati punca pencemaran yang paling besar di muka bumi ini adalah pencemaran terhadap air. Punca utama pencemaran air ialah bahan buangan domestik yang terdiri daripada sampah sarap dan bahan kumbahan, kilang membuang sisa cecair dan pepejal ke dalam sungai sebagai cara mudah untuk membuang.

Oleh kerana kami masih dalam peringkat baru hendak bermula pada sekitar November 2020, jadi kami memilih satu pendekatan yang boleh memberi impak kesedaran kepada manusia melalui nilai ‘Awareness’.

MENGHADAPI ISU SEMASA

Fenomena Covid19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah fenomena dunia yang memberi kesan kepada seluruh manusia. Tidak ada negara yang terkecuali termasuk Malaysia. Isu penularan wabak Covid19 telah menjadikan semua manusia berhati-hati diantara satu sama lain dan 'hygine' adalah perkara asas terpenting dalam kehidupan manusia. Manusia mula mencari formula kebersiahan dengan memakai sanitizer, mula menggunakan mask, mula membersihkan diri, mula percaya bahawa penjagaan hygine untuk mengelak dari dijangkiti wabak.

Bertitik tolak dari isu pencemaran yang diperkatakan pada perenggan sebelum ini, bagaimanakah peranan kami di dalam menjadi perawat pada nilai kerisauan manusia. Fenomena ini memperkuatkan lagi akan penelitian kami terhadap sikap manusia yang mengambil remeh temeh tentang bahan buangan sehingga terjadinya pencemaran alam.

Perlecehan hal pencemaran dan pembuangan sisa ini nampak seperti tidak menganggu gugat kehidupan manusia ternyata salah sehingga munculnya fenomena Covid19 ini. Tidaklah penulisan ini menyatakan bahawa Covid19 muncul daripada pencemaran tetapi sekadar mengambil kata kunci yang sepatutnya adalah KEBERSIHAN. Covid19 dilaporkan muncul dikawasan pasar Wuhan China, yang mana kita semua tampak jelas bahawa keadaan pasar tersebut kotor dan tidak bersih.

Tempoh 2 tahun menghadapi fenomena ini adalah sesuatu diluar jangkaan dan pertama kali berlaku dalam kehidupan manusia zaman moden. Setelah mengenalpasti isu ini, kami perlu mencari solusi untuk membawa kepentingan seni itu kedalam masyarakat yang berada dalam kerisaun, kebimbangan dan ketidakpastian.



MENANAM 'AWARENESS' SEBAGAI SOLUSI

1

Namun begitu apakah pendekatan yang paling sesuai untuk menyampaikan awareness ini kepada masyarakat. Kami mencari satu perkara yang paling dekat dan akrab dalam kehidupan manusia sehari-hari, Jadi kami telah membuat keputusan dengan memilih isu pencemaran air ini juga boleh berlaku di persekitaran yang dekat dengan kita seperti longkang-longkang dan saluran perpaipan.

2

Melalui observasi kami, punca paling besar pencemaran di persekitaran tempat tinggal dan kedai adalah pembuangan sisa minyak masak terpakai ke dalam longkang atau parit. Minyak masak adalah bahan yang paling penting digunakan dalam penyediaan masakan dan ia adalah bahan yang mudah untuk membuatkan sistem perpaipan tersumbat. Maka dari sini kami memikirkan pula apakah penyelesaian yang sesuai agar minyak masak terpakai ini tidak menjadi bahan terbuang dan boleh dikitar semula.

3

Kami telah menemukan 3 perkara yang boleh membuatkan minyak masak terpakai ini boleh dikitar semula iaitu dengan menjadikan ia sebagai bahan bakar kenderaan iaitu Biodiesel, menjadikan ia sebagai sebuku sabun dan menjadikan ia sebagai sebatang lilin. Daripada 3 sumber ini, kami bersepakat untuk mencuba menjadikan minyak masak terpakai kepada 2 perkara iaitu menjadikannya sebagai sabun dan lilin.

4

Oleh kerana kami tidak mempunyai ilmu dalam pembuatan sabun dan lilin, maka kami telah mendaftar dan memasuki kelas-kelas pembuatan sabun dan lilin selain daripada membuat pemahaman dan penelitian di laman sesawang juga. Dalam penyediaan proses pembuatan sabun dan lilin daripada minyak masak terpakai ini, banyak unsur baru yang kami pelajari dan ia amat menyeronokkan.

5

Setelah tempoh pembelajaran pembuatan sabun ini telah kami hafali dan yakini, maka dari situ lah kami mula meneruskan langkah AWARENESS. Permulaan untuk meneruskan misi kami ini bermula dengan kempen-kempen kesedaran terhadap alam sekitar terutama berkaitan pencemaran dan kemusnahan alam.

6

Aktiviti kempen pengumpulan minyak masak terpakai ini merangkumi kawasan Seri Iskandar di daerah Perak Tengah yang merangkumi Seri Iskandar, Bandar Universiti, Taman Maju, Taman Gemilang, Tronoh, Parit dan Bota. Selain daripada itu, kempen ini juga diuar-uarkan di kalangan rakan sekerja melalui platform whatsapp dan juga facebook page.

7

Dari sini, kami telah bertemu dengan masyarakat sekitar lokasi sambil menerangkan kepentingan untuk mengitar semula bahan buangan yang ada. Ini merupakan proses 'awareness' awal. Banyak minyak masak terpakai berjaya kami kumpulkan untuk dikitar semula menjadi sabun dan lilin. Melalui kerja lapangan ini juga, dapatlah kami fahami juga bahawa budaya masyarakat kita sebenarnya bukan kerana mereka suka membuang sebarangan tetapi adalah kerana mereka tidak tahu di mana hendak di buang sisa minyak terpakai ini.

KEPENTINGAN ARTIS DAN SENI DALAM MASYARAKAT

Kehidupan sosial manusia bermula ketika adanya interaksi antara seorang manusia dengan manusia lain. Dari dua orang menjadi 3 orang kemudian menjadi kumpulan, seterusnya menjadi suku kaum yang menentukan budaya yang mereka ciptakan sendiri dan mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk membezakan dari suku kaum yang lain.

Dalam sesebuah kumpulan manusia, maka lahir individu yang mempunyai daya kreativiti yang menjadikan ia berbeza dengan orang lain. Ini kerana individu yang kreatif boleh menghasilkan aneka ragam "karya inovatif" yang boleh membantu masyarakat dalam menjawab permasalahan kehidupan sehari-hari mereka. Maksud membantu disini adalah seperti mereka boleh menciptakan alat pemotong dari batu, mereka boleh menciptakan alat memasak dari batu, mereka boleh menciptakan tadahan dari tanah, mereka boleh menciptakan warna dari sumber alam dan sebagainya.

Jadi, ini adalah contoh bagaimana manusia itu mula menggunakan kreativiti mereka. Dari mereka muncul pula manusia-manusia yang menginovasikan kejadian ciptaan awal itu menjadi lebih kemas, solid dan utuh.

Maka dalam segenap kumpulan masayarakat itu telah lama wujud manusia yang kreatif bersesuaian dengan keperluan kehidupan harian mereka. Cuma gelaran sebagai seorang artis tidak digunapakai sehingga munculnya peradaban moden yang mengistilahkan bahawa seorang artis ialah mereka yang menghasilkan karya dengan kreativiti yang tinggi dan dipersetujui dengan endorsement dari kumpulan pemimpin tertinggi yang terdiri daripada para cendiakawan ataupun para bangsawan ataupun daripada sebuah universiti terkemuka.

Jelas, bahawa kreativiti muncul dulu sebelum gelaran artis diberikan. Namun bukan itu yang paling utamak kerana perkara yang paling penting untuk diperkatakan ialah, bagaimana dari permulaan kreativiti itu terbina, alam telah menjadi sumber utama.

Manusia membuat pisau dengan batu, manusia membuat cawan dengan tanah liat, manusia membuat sampan dengan kayu, manusia membuat catan dengan warna tumbuh-tumbuhan, manusia membuat penahan warna dengan putih telur, manusia membuat pewangi dengan darah binatang dan bermacam-macam lagi bentuk kreativiti yang diciptakan.

Dari kesemua perkara yang manusia ciptakan atau inovasikan, hasilnya digunapakai oleh masyarakat. Oleh sebab itu artis atau seniman adalah ketua atau pemimpin yang harus dihormati dan disegani oleh masyarakat, bukan sahaja kepada daya imaginatif mereka yang tinggi, tetapi juga sepatutnya sebagai seorang manusia yang mampu melestarikan imaginasi mereka secara rasional kepada masyarakat.

Maksud rasional disini adalah bagaimana seorang artis boleh mengawal ataupun mendidik permaknaan kreatif yang lebih jelas kepada masyarakat pada hari ini. Sebagai contoh
Persepi bahawa masyarakat tidak memahami artis sering berlegar-legar dalam percakapan dunia seni visual kita, tetapi penyelesaian terhadap masalah ini masih lagi bertateh. Ia tampak mustahil tetapi tetap ada percubaan daripada artis dan kurator untuk memahamkan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti seni yang diciptakan.

Sebagai melanjutkan kepentingan artis, kurator dan seni dalam masyarakat ini, kami meneruskan langkah awareness kami dengan mula mengadakan kelas-kelas pembuatan sabun kreatif bersama golongan yang berusia 5 hingga 17 tahun. Mengambil pepatah Melayu lama bahawa kalau hendak melentur buluh, biar lah dari rebungnya. Kami cukup pasti untuk kekal relevan sustainable development goals ini, golongan anak-anak kecil ini haruslah didedahkan tentang kesedaran menjaga, memelihara dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Dalam tempoh setahun, 5 kelas telah berjaya kami adakan secara bersemuka dan online. Keterujaan mereka tentang penghasilan sabun bukan semata-mata terhadap proses penghasilan, tetapi ia merangkumi proses kesedaran bahan, proses penghasilan dan proses kreativiti (ukiran 3 dimensi). Kehadiran ibubapa sebagai peneman telah bertukar menjadi kebersamaan dalam penghasilan sabun kreatif.

Begitulah sewajarnya fungsi artis dalam mengetengahkan ilmu seni dan kesedaran awal kepada masyarakat. Artis harus tahu golongan sasaran mereka agar seni itu dapat diterima dan diadaptasi kesemua lapisan masyarakat. Tiada yang mustahil sekiranya artis memikirkan fungsi mereka dalam masyarakat, pasti akan ada jalan untuk mendidik dan menggembirakan masyarakat dalam aktiviti seni kreatif. Seperti kata Pablo Picasso, 'every child is an artis', maka di sinilah fungsi seniman mendidik untuk dapat mengaktifkan setiap potensi yang ada pada kanak-kanak.

Kita maklum bahawa setiap karya seni itu adalah hasil refleksi artis terhadap apa yang dialami melalui persekitaran kehidupan mereka. Lantaran daripada tindak balas ini, maka pelbagai bentuk seni dicitrakan seperti catan, cetakan, arca, seni intalasi, media baru dan sebagainya.

Mendampingi material bukanlah hal yang mudah sekiranya artis tidak mahir untuk menguruskan perihal material/bahan dalam pembentukan karya seni. Ini sangat mustahak kerana di dalam DIY, material pembuatan penghasilan sabun kreatif terdiri daripada bahan yang mudah terbakar. Oleh sebab itu, satu 'standard operating procedure' (SOP) dibuat dan diberikan kepada semua peserta terlebih dahulu sebelum aktiviti mula dijalankan. Adanya SOP "how to make" dan "how to carve" telah membantu anak-anak dalam menghasilkan karya seni mereka.

PEMILIHAN MATERIAL SEBAGAI KARYA SENI

KESIMPULAN

Artis, kurator dan masyarakat harus menerima dan bersepakat atas bimbingan dalam amalan seni secara harmoni. Membuang egois menjadi perkara utama untuk kita semua meningkatkan kelestarian lingkungan alam dan persekitaran hidup manusia. Kita semua saling memerlukan, tidak ada yang terkecuali dalam pembangunan mampan kemanusiaan yang banyak bergantung kepada sumber alam.

Kesenian harus ditujangi secara kerakyatan dan bukan lagi bersifat eksklusif atau sekadar-kadar untuk golongan seni semata-mata. Banyak cara dan kaedah yang dapat digunakapaki di dalam menularkan pengetahuan dan keterlibatan masyarakat terhadap seni. Tolak sifat ketuanan, tinggikan martabat keukhwahan agar semua selari dengan tindakan yang boleh mententeram dan menggembirakan dalam hal ikram.

ARTIS BIO

HAIRULNISAK MERMAN

Hairulnisak Merman dilahirkan dan dibesarkan di Kota Tinggi Johor. Menerima pendidikan formal dalam bidang Seni Halus diperingkat diploma di Universiti Teknologi Mara, Seri Iskandar Perak dan juga di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kepujian di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah separuh masa di UiTM Seri Iskandar Perak dari tahun 2011 hingga 2013. Dalam tempoh waktu berkhidmat, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dalam bidang Seni Reka di Universiti Sains Malaysia. Sepanjang tempoh 10 tahun, beliau telah berkhidmat dalam bidang pendidikan sebagai pensyarah sepenuh masa di Managemnet & Science University dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dari tahun 2013 hingga 2018. Seterusnya menerima peluang untuk berkhidmat di REAL International School sebagai ketua pereka dan juga guru dalam bidang seni bagi silibus International General Certificate of Secondary Education dari tahun 2018 hingga 2020. Dan kini beliau Kembali semula berkhidmat di Universiti Teknologi Mara, Seri Iskandar Perak sebagai pensyarah sepenuh masa di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka.

KURATOR BIO

ERRY ARHAM AZMI

Erry Arham Azmi menerima pendidikan formal dalam bidang Seni Halus di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat Ijazah Sarjana Muda Am dan Kepujian dari tahun 1998 sehingga 2004. Beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Kurator dan Kurator Balai Seni Visual Negara (BSVN) dari tahun 2004-2011. Dalam tempoh waktu berkhidmat, beliau terlah melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Pendidikan (Seni), UPSI dari tahun 2009-2014. Sepanjang tempoh 10 tahun, Beliau telah menulis, mengurus dan mengkurasikan pameran. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pensyarah sepenuh masa di Fakulti Rekaan Komunikasi Visual ASWARA, Kurator di Galeri Aswara sehingga tahun 2015. Kini beliau meneceburkan diri sebagai usahawan yang memberi fokus kepada keusahawanan sosial , mengurusan NGO dan sukarelawan di Seri Iskandar Perak serta menjadi penulis dan kurator bebas.

KOLEKSI KARYA

‘Study I’

2021

Sodium Hidroksida, Minyak Masak Terpakai, Minyak Kelapa, Pewangi, Plastik Minyak Masak, Besi

39.9 inci x 63.5 inci

‘Study II’

2021

Sodium Hidroksida, Minyak Masak Terpakai, Minyak Kelapa, Pewangi, Plastik Minyak Masak, Besi

47.5 inci x 14 inci

‘Study III’

2021

Sodium Hidroksida, Minyak Masak Terpakai, Minyak Kelapa, Pewangi, Plastik Minyak Masak, Besi

46 inci x 86.5 inci

‘Study IV’

2021

Sodium Hidroksida, Minyak Masak Terpakai, Minyak Kelapa, Pewangi, Kayu

16.4 inci x 16.4 inci

‘Study V’

2021

Sodium Hidroksida, Minyak Masak Terpakai, Minyak Kelapa, Pewangi, Kayu

8.5 inci x 13.6 inci

INFORMASI


TIMELINE
NOV 2020
- Social Development Goals Program
- Identified Issue at Surrounding
- Documentation Pollution
DEC 2020
- Campaign for used cooking oil collection
- 1st Class Paper Recycle (online class)
JAN 2021
- Continued Campaign
- 2nd Class Creative Soap at Lakat Lumut (face to face)
FEB 2021 - MAR 2021
- Continued Campaign
- Used cooking oil collection
- Develop used cooking oil to Soap and Candle
- Paper Recycle test
APR 2021 - MAY 2021
- Paperwork for Young Contemporaries Competition (BMS)
JUN 2021 - JULY 2021
- Documentation , Meeting, Discussion, Data Collection for BMS
AUG 2021
- Selected as Participant for BMS
SEPT 2021
- 3rd Class Creative Soap with kids at Seri Iskandar (online class)
- Meeting and discussion for BMS
OCT 2021
- 4rd Class Creative Soap with kids from Seri Iskandar (online class)
- Finalise place for an exhibition BMS
NOV 2021
- 5th Class Creative Soap with PEWANI UiTM Seri Iskandar (online class)
- Installation BMS at GALERI ALBIRUNI UiTM Seri Iskandar
DEC 2021
- Exhibition Development In Years at GALERI ALBIRUNI UiTM Seri Iskandar
TO BE CONTINUED

DIY
DEVELOPMENT IN YEARS

Development in Years is an exhibition that compiles the continuation of artworks and its creation process which concerns problem solving as well as relevant issues of daily life and its surroundings. It is an on-going art project that had taken years to materialize. In the interest of students and art lovers, this exhibition stresses the presentation and strive to focus on processes, from one point to the next.

All activities had been started since November 2020, which comprises of several documentations, work-making, education and manufacturing. It is now compiled in a documented form to be presented to the public. This exhibition also serves as a judging venue for the on-going Young Contemporaries competition (Bakat Muda Sezaman 2021) with its current theme of Art On-Site.

It is hoped that such endeavour would provide benefit to all audiences. It all started here, not to merely appealing to the judging process but to also serve as a platform towards a more critical effort that serves to empower and nurture the nature at large, as well as encouraging humanistic co-opertive spirit of a state or a nation.

CURATOR **ARHAM AZMI**

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

POLLUTION ISSUES



SOCIETY
ENVOLVEMENT

CÄMPÄIGN SCHEDULE FOR COLLECTING USED COOKING OIL

BMS

The following are the steps on how to separate used cooking oil. The used cooking oil from your home will be picked up twice a week and will be reused for the purpose of making community art programs around Seri Iskandar, Perak a success. Let us together practice the culture of recy-cling to protect the sustainability of the environment.





SUSTAINABILITY THRU ART

SÖAP HOW TO CREATE

Below are the steps to produce soap from used cooking oil. There are a few ingredients and tools to be prepared. Make sure all of the ingredients and tools are complete.
Ingredients:
Used cooking oil, coconut oil, sodium hydroxide, clean water, perfume and coal.
Tools:
A jug, a bowl, a spatula, containers/drink packets, a filter, an egg beater, a face mask, a pair of hand gloves, a pair of goggles and an apron.

1

Filter the used cooking oil to get rid of impurities.
Soak the used coking oil with coal overnight to get rid of the smell.

2

Slowly add the sodium hydroxide to the clean water. And then mix it with an egg beater until the mixture is even.

Reminder:
Do this carefully.

3

This mixture of sodium hydroxide and clean water will become warm due to a chemical reaction. Cool this mixture for about 15 minutes.

Attention:
Be careful with the mixture, avoid from it touching your hands and eyes.

4

While waiting for the sodium hydroxide mixture, pour in the coconut oil and perfume into the used cooking oil.
Mix it evenly with a spatula.

Reminder:
Take out the coal first before mixing the coconut oil and the perfume into the used cooking oil.

5

Mix the sodium hydroxide into the used cooking oil. Slowly stir the mixture by using an egg beater until it becomes sticky.

Attention:
Stir in one direction only.

6



Pour the soap mixture into the containers that have bee prepared. The containers can be made from recyclable materials such as drink packets.

7

Leave the soap that has been poured into the containers to freeze. Leave it at room temperature for 24 hours.

Reminder:
Prepare for the carving process.

Note: Children need the supervision of their parents during this activity.
Please make sure that you wear the complete safety apparel correctly to prevent accidents and mishaps.

HÖUSE HOW TO CARVE

Below are the steps to carve a soap into an adorable house. The shape of the house will depend on your creativity. There are several tools that you need to prepare, such as: a paper, a pencil, a pair of scissors, a soft brush, a soft sponge and a carving set.

1



Remove the soap by tearing the container/drink packet slowly.
Make sure that no shreds of the drink packet are stuck to the soap.

2

Sketch a house on a piece of paper. And then cut the shape of the house with a pair of scissors.

Attention: Children require the supervision of their parents when doing this.



3



Stick the sketch of the house that has been cut on top the soap by using a pencil.

4



Cut the soap slowly using the carving tool. Carve the shape that you want.

Reminder:
Complicated carvings require the help of parents.

5

Even and smoothen the surface of the soap by using a sponge and your hands.

Reminder:
You are encouraged to carve the house as detailed as possible to create a nice result.

6

Clean the surface of the soap with a soft brush. Leave the soap for 3 - 4 weeks, and then it can be used.

ALL THE BEST.

Be careful. Do not cut your hands.

NOTA KREATIF




11:25 AM | CREATIVE SOAP WORKSHOP

PENGHARGAAN

Merakamkan setinggi - tinggi terima kasih kepada

Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak

Galeri Al-Biruni, UiTM Cawangan Perak
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Perak

Balai Seni Negara, Kuala Lumpur
Bakat Muda Sezaman 2021

e ISBN 978-967-2776-01-7